

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 MAY 2016

Kejayaan UMNO memimpin negara selama 59 tahun

# Pendekatan sederhana - PM

UM-10/5/2016

■ PUTRAJAYA 9 MEI

**P**RESIDEN UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kejayaan UMNO memimpin negara selama 59 tahun dicapai kerana dasar sederhana yang diamalkan serta sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Selepas hampir enam dekad menunjangi Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional (BN), mungkin telah meletakkan UMNO sebagai satu-satunya parti politik di dunia yang memegang tampuk pemerintahan negara secara berterusan tanpa terputus, katanya.

Najib yang juga Perdana Menteri berkata, seiring dengan perjalanan tujuh dekad UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946, parti telah menongkah pelbagai cabaran dan rintangan serta menunjukkan kemampuannya terutama dalam membawa pembangunan dan transformasi terhadap negara.

"Setiap kali berdepan dengan apa jua krisis sama ada dari luaran atau dalaman, UMNO telah menunjukkan kewibawaannya untuk menangani krisis itu dan meletakkan parti dan negara kita atas landasan yang lebih kukuh.

"Kita merupakan parti yang mengamalkan dasar sederhana dan mementingkan semua kaum walaupun parti kita ini terdiri daripada orang Melayu dan Bumiputera. Tetapi prinsip kita, kita mesti berlaku adil berdasarkan pada prinsip dan semangat Perlembagaan negara," kata Najib dalam temuramah bersempena sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-70 pada 11 Mei ini, di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Temuramah itu dikendalikan oleh Dekan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi Mara, Prof. Dr. Azizul Halim Yahya.



**NAJIB TUN RAZAK** ditemuramah Azizul Halim Yahya sempena Ulang Tahun UMNO Ke-70 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, baru-baru ini. - BERNAMA

Najib berkata, sebagai tunjang dan teras kepada BN sejak sekian lama, UMNO sentiasa menghormati dasar dan amalan dalam pakatan itu yang telah diasaskan secara bersama oleh pemimpin-pemimpin terdahulu.

Katanya, walaupun ditubuhkan sebagai sebuah parti untuk mem-

bela nasib kaum Melayu, namun UMNO turut memayungi kaum lain dan memecahkan tembok-tembok yang memisahkan antara kumpulan dan persatuan tertentu termasuk soal kenegerian.

Najib berkata, prinsip UMNO itu yang ditinggalkan pemimpin terdahulu harus dipegang dan dihayati

oleh semua anggota yang harus beri keutamaan yang lebih kepada soal kenegaraan dan semangat kebangsaan.

Namun, beliau menjelaskan soal perpaduan dan penyatuan dalam kalangan orang Melayu tetap merupakan teras dan tonggak kepada kekuatan negara ini, iaitu selagi



**Kita merupakan parti yang mengamalkan dasar sederhana dan mementingkan semua kaum walaupun parti kita ini terdiri daripada orang Melayu dan Bumiputera. Tetapi prinsip kita, kita mesti berlaku adil berdasarkan pada prinsip dan semangat Perlembagaan negara."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

kaum itu bersatu, selama itulah mereka mempunyai lebih kekuatan.

Mengulas pelbagai dakwaan kononnya UMNO pada hari ini tidak lagi demokratik dan terbuka, Najib menegaskan, parti itu kini sebenarnya lebih terbuka, demokratik dan inklusif berbanding pada masa yang lalu ekoran transformasi yang dilakukannya.

Menurutnya, ini termasuk pindaan terhadap perlembagaan parti yang memperlihatkan pemilihan jawatan utama dalam parti itu lebih terbuka berbanding dahulu.

Najib berkata, walaupun beliau boleh membiarkan sahaja UMNO dengan perlembagaan lamanya, namun atas rasa dan hasrat ingin melihat parti itu lebih demokratik, beliau akhirnya mengubah falsafah parti yang dipegang sejak sekian lama itu. - BERNAMA